

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0. Pengenalan**

Peminjaman kata suatu bahasa daripada suatu bahasa yang lain merupakan satu fenomena yang normal bagi sesuatu bahasa yang hidup. Ini merupakan salah satu perkara yang tidak dapat dielakkan oleh mana-mana bahasa di dunia ini. Pertembungan budaya suatu bangsa dengan budaya suatu bangsa yang lain merupakan faktor utama mengapa peminjaman kata berlaku. Tujuannya adalah untuk mengungkapkan apa yang sebelumnya tiada di dalam budaya sesuatu bangsa atau kaum tersebut. Bahasa kita, bahasa Melayu juga tidak lari daripada melalui proses tersebut.

Antara bahasa yang paling banyak dipinjam atau diserap ke dalam bahasa Melayu ialah bahasa Arab. Di dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, sebanyak 1,355 patah perkataan yang dilabelkan sebagai kata yang berasal daripada bahasa Arab (Ar). Beberapa penambahan dan pembaikan telah dilakukan di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat.

Kajian ini cuba menelusur aspek makna bahasa Arab terhadap kata yang dilabelkan “Ar” tersebut. Selain itu kajian makna morfologi perkataan berkenaan juga akan dilakukan. Pengkaji akan cuba menelusur setiap kata yang dikaji sama ada berlaku perluasan makna, yakni kata tersebut membawa makna yang lain selain daripada makna

asalnya; atau berlaku penyempitan makna, yakni kata tersebut mungkin membawa lebih daripada satu makna tetapi hanya satu sahaja daripadanya yang diterima dan diguna pakai di dalam bahasa Arab. Selain itu, mungkin juga berlaku perubahan makna, yakni kata tersebut membawa suatu makna tetapi yang diterima bukanlah makna itu tetapi makna yang lain. Ia disebabkan oleh faktor-faktor budaya dan geografi bahasa berkenaan. Kajian ini dibataskan kepada entri yang dianggap istilah agama sahaja dalam kalangan entri yang diberikan label “Ar” di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Di akhir kajian ini, satu senarai kata mengikut pola morfologi Arab serta pernyataan status makna yang dibawa oleh kata tersebut akan dikeluarkan yang akan dapat membantu para pengkaji seterusnya untuk membuat kajian yang berkaitan atau kajian lanjutan dengan tajuk.

### **1.1. Latar Belakang Kajian**

Peralihan zaman bahasa Melayu kuno ke zaman Melayu klasik banyak dikaitkan dengan kedatangan agama Islam ke Asia Tenggara pada abad ke-13. Penggunaan tulisan Jawi cukup untuk menggambarkan betapa kuatnya pengaruh bahasa Arab di dalam bahasa Melayu. Ini adalah kerana kebanyakan pedagang dan pengembang Islam yang datang ke Tanah Melayu pada ketika itu adalah dari Tanah Arab selain Parsi.

Semenjak penggunaan tulisan Jawi di dunia Melayu, pertumbuhan ilmu melalui kegiatan penulisan atau persuratan dalam bahasa Melayu kian giat berkembang. Bukan

itu sahaja malahan kosa kata bahasa mereka juga telah dipinjam menjadi sebahagian daripada bahasa Melayu. Walaupun pada asalnya kata yang pinjam itu hanyalah yang berkaitan dengan istilah keagamaan sahaja yang seiring dengan agama Islam yang dibawa oleh mereka. Namun dengan kepesatan tamadun Islam pada ketika itu yang banyak mempengaruhi bukan sahaja kepercayaan malahan adat dan budaya kehidupan masyarakat Melayu. Martabat bahasa Arab adalah tinggi di kalangan orang Melayu kerana ia merupakan bahasa al-Quran dan satu-satunya bahasa yang digunakan dalam ritual solat.

Syed Naquib al-Attas<sup>1</sup> (1972), menyatakan bahawa dengan kepesatan penyebaran agama Islam, bahasa Melayu telah menjadi *lingua franca*. Dengan ini, bahasa Melayu-Indonesia haruslah dianggap sebagai bahasa Islam dan mungkin merupakan bahasa yang kedua terbesar di dalam dunia Islam.

Peminjaman kata merupakan sumber yang amat penting dalam kajian kosa kata. Dalam bidang linguistik, kajian tentang peminjaman kata dimasukkan dalam pertembungan bahasa atau kontak bahasa. Perhubungan antara pengguna bahasa yang berbeza menyebabkan bahasa-bahasa itu saling mempengaruhi antara satu sama lain.

Sarjana Linguistik, Dr. Harimurti Kridalaksana<sup>2</sup> (1983:123) mendefinisikan pinjaman sebagai "pemasukan unsur fonologi, gramatikal, atau leksikal dalam bahasa atau dialek lain kerana kontak atau peniruan" dan definisi yang diberikan oleh Carmel (1999) sebagai "proses pengambilan dan penggunaan unsur-unsur daripada satu bahasa yang lain dalam konteks yang lain."

---

<sup>1</sup> *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Kebangsaan Melayu.*

<sup>2</sup> Kamus Linguistik Edisi Keempat 2008. hlmn. 178.

Makna perkataan yang dipinjam mungkin akan menjadi lebih luas atau lebih sempit. Ini bergantung kepada perubahan pengalaman dan budaya, konteks dan pengetahuan boleh mempengaruhi makna sama ada meluaskan atau menyempitkan sesuatu kata.

Maka kajian ini akan meneroka setiap entri yang berlabel “Ar” yang hanya tertumpu kepada istilah yang berbentuk keagamaan sahaja. Ini kerana jenis kata tersebut merupakan bentuk awal kata daripada bahasa Arab yang terserap dalam bahasa Melayu. Sesuai dengan masalah yang sering timbul dalam kalangan masyarakat umum yang sukar untuk membezakan antara istilah agama dengan istilah umum, penyenaian kata tersebut dapat membantu mereka mengatasi masalah tersebut. Perbandingan makna juga diberikan agar segala kekeliruan yang timbul akan lebih jelas dengan kajian yang dijalankan ini.

## **1.2. Objektif Kajian**

Kajian tentang morfologi dan semantik adalah penting terutama dalam bidang leksikografi. Ketiadaan ilmu ini, terutamanya semantik akan menyukarkan seseorang untuk menyusun atau menyelenggarakan sebuah kamus. Penyusunan kamus juga dianggap suatu seni perakaman kata yang perlu ditangani dengan halus dan teliti. Menurut Leonard E. Newell (1995) “*lexicography is the art of recording the results of lexicological research in the form of dictionary.*”<sup>3</sup> Maka kajian ini mempunyai objektif yang sedikit sebanyak membantu para leksikograf dalam memantapkan

---

<sup>3</sup> Newell, Leonard E. 1995. “*Computer processing of texts for lexical analysis.*” Hlmn. 315-28.

penyusunan sesebuah kamus. Terdapat beberapa objektif yang telah dikenal pasti dalam kajian ini iaitu:

- a. Mengenal pasti entri agama yang berlabel “Ar” dalam Kamus Dewan Edisi Keempat.
- b. Menganalisis dapatan dari sudut semantik yang melihat makna kata yang diterima sama ada ia kekal dengan makna asalnya dalam bahasa Arab atau telah mengalami penyelewengan daripada makna asal.
- c. Menyenaraikan entri agama yang berlabel “Ar” yang telah dianalisis kepada tiga klasifikasi: makna yang tepat, makna yang hampir tepat, dan makna yang tidak tepat.

### **1.3. Kepentingan Kajian**

Kajian ini meneroka satu disiplin linguistik yang dianggap penting iaitu semantik yang menyingkap makna asal entri tersebut dalam bahasa Arab berbanding maknanya dalam penggunaan harian masyarakat Melayu. Penggunaan data korpus digital memantapkan lagi kajian dengan sumber-sumber baharu dan lama, pengungkapan ayat berdasarkan entri yang dikaji dapat dilihat dalam proses penganalisan makna dalam disiplin yang dikaji iaitu semantik.

Tidak semua entri Melayu yang dipinjam daripada bahasa Arab diterima makna asalnya bulat-bulat. Terdapat juga kata yang hanya diterima zahir katanya sahaja tetapi

tidak maknanya. Inilah yang berlaku dalam bahasa kita, bahasa Melayu. Sebagai contoh kata 'betik' dalam bahasa Melayu bermaksud *papaya*, tetapi makna asalnya dalam bahasa Arab (bat.tikh) bermaksud tembikai dalam bahasa Melayu. Kata 'betik' ini dikemukakan hanya sebagai contoh sahaja dan ia tidak termasuk antara kata yang dikaji dalam tesis ini. Sebagai contoh yang lain kita boleh melihat terhadap makna kata 'takaful'. Penerimaan kata ini dalam bahasa Melayu hanya dalam insurans sahaja sedangkan dalam bahasa Arab kata ini merupakan kata umum yang boleh digunakan dengan tanpa mengkhususkan kepada bidang tersebut sahaja.

Jadi kajian ini diharap dapat mengungkap perselisihan yang berlaku dan memberikan idea-idea yang bernas dalam penetapan istilah yang berkaitan dengan agama dan sebagainya. Para penyelidik juga diharap dapat memanfaatkan hasil kajian yang telah dibuat bagi kajian-kajian mereka sama ada yang berkaitan terus dengan bidang leksikografi mahupun di bidang-bidang yang lain.

#### **1.4. Kajian Terdahulu**

Memang banyak penyelidik yang telah membuat kajian tentang kata serapan Arab sebelum ini. Tetapi kajian mereka tidaklah terbatas kepada aspek morfologi dan semantik sahaja. Amat kurang mereka yang memfokuskan kepada dua aspek tersebut. Sepanjang kajian kepustakaan yang dibuat, hanya satu kajian yang ditemui hampir sama dengan kajian yang dilakukan iaitu tesis Sarjana yang dihasilkan oleh Mohd Alwee Yusoff bertajuk *Perkataan Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Morfologi dan Semantik*. Mohd. Alwee tidak membataskan kajiannya kepada istilah tertentu bahkan beliau melihat semua kata serapan Arab yang ada. Satu kertas bertajuk "Kata

Pinjaman Arab dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga: Satu Analisis Semantik” oleh Muhammad Fauzi Jumingan<sup>4</sup>, 2005 telah ini menganalisis ketepatan makna asal kata serapan Arab dalam bahasa Melayu dalam bahasa Arab dengan tidak memfokuskan terhadap kata agama sahaja bahkan semua kata serapan Arab yang bermakna umum.

Berbeza dengan kajian ini yang melihat dari aspek pola morfologi yang manakah yang paling banyak diterima pakai dalam kata serapan yang digunakan oleh penutur Melayu. Dan itu pun hanya terbatas kepada kata entri yang berkaitan dengan agama Islam sahaja. Analisis semantik dilakukan dengan melihat dari aspek peluasan dan penyempitan makna yang berlaku pada kata tersebut yang akhirnya dikelaskan sebagai mempunyai makna yang tepat, hampir tepat dan tidak tepat atau berubah maknanya.

### **1.5. Metodologi Kajian**

Fokus utama dalam kajian ini ialah untuk melihat statistik penerimaan kata yang berkaitan dengan agama dari sudut makna asalnya dalam bahasa Arab di samping analisis dari sudut ketepatan makna yang diterima dalam bahasa Melayu berbanding makna asalnya dalam bahasa Arab. Entri yang dikaji hanyalah yang terdapat di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat sahaja. Manakala perbandingan makna asalnya dalam bahasa Arab, menggunakan kamus terbitan *Majma' al-Lughawiy* iaitu *al-Mu'jam al-Wasit* cetakan *dar ad-da'wah*, Istanbul, Turki.

---

<sup>4</sup> Kertas yang telah dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Leksikologi dan Leksikografi Melayu (PALMA) pada 6 hingga 7 Jun 2005.

Oleh itu penulis telah menggunakan korpus untuk menganalisis data kajian ini di samping kajian kepustakaan. Kaedah menggunakan korpus membolehkan kajian secara sistematik tentang fenomena tertentu bahasa. Ini dapat dilakukan dengan menggunakan Korpus Terbanding (Comparable Corpora – Shuttleworth & Cowie 1997<sup>5</sup>) iaitu teks yang sememang asalnya ditulis dalam bahasa Melayu dan pemikiran Melayu serta set lokasi teks yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Korpus Terbanding ialah Korpus Ekabahasa jadi ia tidak melibatkan lebih daripada satu bahasa. Perbandingan menggunakan korpus terbanding akan dapat menjelaskan sebarang perkembangan bahasa dari sudut sejarah dan bagaimana sesuatu bahasa itu berubah mengikut arus dunia global.

Banyak bentuk dan fungsi pangkalan data korpus telah dibangunkan oleh beberapa pihak pada masa kini. Pangkalan Data Korpus paling dikenali kewujudannya ialah yang dibangunkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Pangkalan ini dikumpulkan dalam subkorpus yang berasingan dengan saiz yang lebih dari 100 juta perkataan.

Oleh itu penulis telah memilih Sistem Korpus dari pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai sumber pengumpulan data kajian. Penggunaan pangkalan data korpus ini tidak meliputi semua subkorpus yang ada tetapi penulis hanya memilih sebahagian sahaja subkorpus yang relevan dengan kajian.

---

<sup>5</sup> Shuttleworth, Mark and Cowie, Moira.1997: *Dictionary of Translation Studies*.



## 1.6. Batasan Kajian

Kajian ini hanya tertumpu pada entri yang merupakan kata serapan daripada bahasa Arab. Dalam Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka kebanyakan entri yang merupakan kata serapan Arab dilabelkan dengan “Ar” dan ada juga yang tidak disenaraikan.

Dalam disertasi ini, kajian akan memfokuskan entri yang berlabel “Ar” yang sudah pasti merupakan kata serapan Arab. Bukan itu sahaja, kajian hanya diberikan kepada entri agama sahaja yang terdapat dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (KD4) agar kajian lebih terfokus.

Kamus ekabahasa Arab yang masyhur, *al-Mu‘jam al-Wasit* digunakan untuk membandingkan makna kata yang dikaji dengan makna asalnya dalam bahasa Arab. Perbandingan makna ini hanya menggunakan satu sahaja sumber daripada bahasa Arab agar kajian yang dilakukan lebih terfokus walaupun beberapa masalah akan berlaku seperti ketiadaan pola entri yang dipinjam dalam Kamus Dewan Edisi Keempat berbanding padanan makna asalnya dalam *al-Mu‘jam al-Wasit*.

Memandangkan bahawa disiplin semantik amatlah luas ruang lingkupnya, maka kajian ini hanyalah tertumpu kepada aspek ketepatan maknanya sahaja yang akhirnya satu statistik berkaitan makna yang tepat, hampir tepat dan tidak tepat akan disenaraikan.

## 1.7. Bidang Kajian

Kajian kosa kata serapan ini menyingkap unsur semantik yang ada pada setiap entri yang dipilih. Di samping semantik, unsur morfologi juga penting bagi setiap ahli leksikografi melengkapkan diri sebelum kerja-kerja penyusunan sesebuah kamus dilakukan bak kata Ibrahim Ahmad<sup>6</sup> (2002) dalam bukunya *Perkamusan Melayu Suatu Pengenalan*, “Tanpa morfologi, tiada asas bagi penyusun kamus untuk menyusun kamus”. Tetapi kajian ini tidak akan melihat data kajian melalui pendekatan morfologi, bahkan pendekatan semantik sahaja.

Kajian yang dilakukan dalam disertasi ini merupakan sebuah kajian leksikografi yang bertujuan untuk membantu para ahli leksikografi dalam penyusunan kamus yang relevan. Justeru kajian ini diharap sedikit sebanyak dapat menyelesaikan masalah yang mungkin dihadapi oleh para penyusun kamus dalam melakukan tugas mereka.

Menurut Zgusta (1971:3158):

“Pada dua dekad kebelakangan ini, bidang leksikografi sebagai suatu aktiviti yang membawa penerbitan sebagai kamus telah berkembang dengan pesat, dan lebih-lebih lagi dengan semakin meningkat kajian tentang teori dan metodologi kamus; sehingga menjadi ‘*dictum*’ bahawa dekad ini merupakan ‘Zaman Keemasan Dunia Leksikografi’.

---

<sup>6</sup> Ibrahim Ahmad. 2002. *Perkamusan Melayu Suatu Pengenalan*. Hlmn: 52.

## 1.8. Rangka Kajian

Kajian ini terdiri daripada lima bab sahaja dan setiap bab mempunyai beberapa subtajuk yang tertentu.

**Bab satu** menerangkan asas-asas keperluan sesuatu kajian dalam sesebuah disertasi iaitu latar belakang, objektif kajian, kepentingan kajian, kajian terdahulu, metodologi kajian, batasan kajian, bidang kajian serta rangka kajian.

**Bab kedua** memuatkan perbincangan mengenai penyerapan kata Arab ke dalam bahasa Melayu melalui tajuk-tajuk berikut: sejarah bahasa Melayu, sejarah bahasa Arab, peminjaman kata Arab dalam bahasa Melayu, tulisan Jawi, Kamus Dewan dan *al-Mu'jam al-Wasit* sebagai pengenalan dua rujukan utama kepada kata serapan yang dikaji.

**Bab ketiga** pula lebih memfokuskan perbincangan kepada aspek kajian yang dipilih iaitu semantik yang merangkumi tajuk berikut: semantik, perluasan makna, penyempitan makna dan pemindahan makna.

**Bab empat** merupakan bab yang terpenting dalam disertasi ini iaitu analisis dapatan. Setelah entri terpilih disenaraikan mengikut abjad, ia dianalisis mengikut kategori yang telah ditentukan. Semua ini dibincangkan di bawah tajuk: pengumpulan data, penganalisan data, entri yang dikaji, makna tepat, makna hampir tepat, makna tidak tepat serta statistik analisis.

Segala perbincangan mengenai kesimpulan hasil kajian serta cadangan serta saranan dimuatkan dalam bab yang terakhir kepada disertasi ini iaitu **bab lima**.

### **1.9. Penutup**

Kajian merupakan kajian perpustakaan yang banyak bergantung pada rujukan dalam bahasa Melayu dan Inggeris di samping rujukan di dalam bahasa Arab. Walaupun kajian ini hanya tertumpu pada satu kelas entri sahaja daripada Kamus Dewan Edisi Keempat, namun hasil daripadanya diharapkan dapat menyelesaikan persoalan ketepatan makna kata serapan dan memberikan impak yang besar kepada pembaca dan pengkaji yang bakal membuat kajian lanjut tentang tajuk yang dikaji.